MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council

PELANGI

2024

LAPORAN PEPERIKSAAN STPM

Bahasa Arab (913)

Bahasa Arab

913/1

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1 2024, sebanyak 1 800 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 45.94% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	9.15	3.89	3.72	5.72	6.12	10.46	6.88	3.98	7.89	4.46	37.72

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah sederhana. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 64 markah daripada markah penuh 70 markah dan seorang calon mendapat markah terendah, iaitu lima markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah sederhana terutamanya dari segi penguasaan perbendaharaan kata dan tatabahasa. Soalan 1, 2, 3, 4, dan 5 ialah soalan berbentuk kefahaman dan karangan, manakala empat soalan, iaitu soalan 6, 7, 8, dan 9 ialah soalan yang berbentuk aplikasi.

Komen soalan demi soalan

Bahagian I: *Kefahaman*

Soalan 1

Bahagian ini menghendaki calon menjawab enam soalan pemahaman berdasarkan teks yang diberikan berkaitan peristiwa Isra' Mi'raj yang dialami oleh Baginda Rasulullah SAW. Soalan dikemukakan merangkumi pelbagai kata tugas menguji pengetahuan atau kefahaman teks. Bagi soalan (*a*), (*b*), (*c*), (*d*), (*e*) dan (*f*), jawapan pelajar secara purata adalah sederhana. Ia dapat dilihat pada skor min yang berada pada tahap sederhana. Dari segi kekuatan jawapan calon ialah kemampuan memahami kehendak soalan dan mencari jawapan di dalam teks. Sebahagian kecil calon berjaya mendapat markah penuh bagi soalan (*a*), (*b*), (*c*), (*d*).

Bagi pecahan soalan (*a*), (*b*), (*c*), (*d*) yang menguji kefahaman teks, kelemahan calon adalah tidak faham atau kurang memahami teks. Sebahagian calon hanya menyalin jawapan tanpa mengambil kira kehendak soalan menyebabkan jawapan calon salah, kurang tepat atau terlalu panjang dari jawapan yang sepatutnya. Secara khusus, sebahagian calon gagal menjawab dengan baik soalan (*a*) kerana tidak menulis pendahuluan (*muqaddimah*) jawapan, tidak memasukkan kata kunci jawapan dan menyalin isi yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Bagi soalan (*b*) kelemahan calon ialah

kerana jawapan tidak lengkap (tiada *muqaddimah*) dan tidak menulis dengan jelas perbezaan antara perjalanan Israk dengan perjalanan Mikraj. Bagi soalan (*c*), antara kelemahan jawapan calon ialah tidak menulis kesemua tiga (3) isi utama tentang sebab Allah SWT memfardukan solat di langit. Sebahagian mereka hanya menulis satu atau dua, dan ada juga yang tersasar daripada jawapan yang betul. Bagi soalan (*d*), kesilapan yang dilakukan oleh calon, antara lain ialah tidak menyenaraikan sekurang-kurangnya tiga (3) kelebihan Masjid al-Aqsa sebagaimana dijelaskan di dalam teks. Ada yang menyenaraikan satu atau dua sahaja menyebabkan mereka tidak memperolehi markah penuh.

Bahagian II: *Karangan*

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faedah pengurusan masa dalam kehidupan pelajar. Ia adalah soalan yang menjadi pilihan ramai calon. Namun demikian, kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan isi dengan baik. Hanya segelintir sahaja calon yang menerangkan faedah pengurusan masa dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar. Antara faedah pengurusan masa itu adalah seperti pelajar akan memperolehi keredhaan Allah, mencapai matlamat tepat pada masanya, dan merehatkan diri dan perasaan secukupnya. Apa yang berlaku, kebanyakan calon hanya menceritakan aktiviti harian mereka sahaja tanpa mengaitkan dengan faedah pengurusan masa.

Calon sepatutnya meneliti tajuk yang dikemukakan terlebih dahulu dan merancang isi yang berkaitan sebelum menjawab soalan. Soalan ini agak mudah untuk calon mendatangkan isi dan ramai calon yang memilih tajuk ini. Sementara itu, masih terdapat calon yang menggunakan karangan "magic" bagi menjawab soalan ini, namun isinya masih boleh diterima jika berkait secara langsung dengan tajuk. Di samping itu, kesalahan tatabahasa sama ada sorf atau nahu dan uslub yang lemah banyak berlaku ketika calon mengemukakan isi-isi penting dan huraiannya. Selain itu ada sebilangan kecil calon memasukkan teks petikan sebagai isi karangan. Hal ini menyebabkan esei mereka terkeluar daripada tajuk dan tidak layak diberikan markah. Secara purata min markah yang dicatat untuk soalan ini adalah rendah, menunjukkan bahawa kebanyakan calon menghasilkan esei yang kurang memuaskan.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan cara menjaga kebersihan pantai. Tidak ramai calon memilih soalan ini mungkin kerana tajuk kebersihan pantai agak sukar untuk diolah. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat mengemukakan isi dengan baik. Mereka menggunakan karangan yang diingat lalu diadaptasi dengan karangan yang dipilih namun isi yang diutarakan kurang bertepatan dengan kehendak soalan. Sebahagian mereka pula lebih memfokuskan kepada cara menjaga kebersihan secara umum dan dikaitkan sedikit dengan pantai. Hal ini menyebabkan calon kehilangan banyak markah berkaitan isi. Di samping itu, kesalahan tatabahasa sama ada sorf, nahu atau uslub banyak berlaku ketika calon mengemukakan isi-isi penting dan huraiannya. Secara purata min markah soalan ini adalah rendah, menunjukkan bahawa kebanyakan calon gagal menghasilkan penulisan yang baik tentang tajuk ini.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon cara menyambut Idul Adha di kawasannya. Tajuk keagamaan ini agak dekat dengan pelajar, justeru menjadi pilihan ramai calon. Kebanyakan calon yang memilih tajuk ini dapat menceritakan cara orang Islam di kawasan mereka menyambut hari raya Idul Adha. Calon

menerangkan beberapa aktiviti penting bermula dari persiapan sebelum hari raya, sehinggalah aktiviti signifikan sempena hari raya ini iaitu ibadah korban. Namun, terdapat juga calon yang terkeliru sehingga tidak dapat membezakan sambutan hari raya Idul Adha dan Idul Fitri. Selain itu, ada segelintir calon yang hanya membincangkan tentang perayaan Idul Adha tanpa menyentuh tentang cara sambutan di kawasannya. Calon sepatutnya meneliti tajuk yang dikemukakan terlebih dahulu dan merancang isi yang berkaitan sebelum menjawab soalan.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor kemalangan jalanraya dan cara mengatasinya. Bilangan calon yang memilih tajuk ini amat kecil. Markah yang diperolehi oleh calon yang menjwab soalan ini adalah rendah. Ia menunjukkan ia bukan tajuk popular kepada calon. Calon yang menjawab soalan ini, tidak dapat memberikan isi yang jelas dan bersesuaian dengan kehendak soalan. Di samping itu, kesalahan tatabahasa sama ada sorf, nahu atau uslub banyak berlaku ketika calon mengemukakan isi-isi penting dan huraiannya. Secara purata min markah soalan ini adalah rendah, menunjukkan bahawa calon gagal menghasilkan penulisan yang baik tentang tajuk ini.

Bahagian III: *Saraf*

Soalan 6

Soalan (*a*) menghendaki calon menukarkan *fii'l* yang bergaris kepada *fii'l Mudori'* dengan melakukan perubahan yang perlu. Soalan ini menguji penguasaan calon dalam *tasrif fii'l*. Berdasarkan jawapan calon, terdapat banyak kesilapan yang dilakukan oleh calon. Hal ini menunjukkan kelemahan calon dalam *tasrif fii'l* daripada fii'l Madhi kepada *fii'l Mudori'* mengikut konteks ayat. Antara kesalahan yang dilakukan ialah dari segi kesepadanan bilangan, kesepadanan gender, dan dari segi wazan, Kesalahan yang dilakukan ini menyebabkan calon tidak mendapat apa-apa markah atau hilang separuh markah.

Soalan (*b*) pula menghendaki calon membawakan *sighah fii'l Amr* bagi setiap *fii'l madhi* yang diberikan dalam kurungan bersama dengan baris. Soalan ini juga menguji penguasaan calon dalam *tasrif fii'l* daripada *fii'l Madhi* kepada *fii'l Amr* mengikut konteks ayat. Selain menukar bentuk kata kerja, calon juga dikehendaki meletakkan baris penuh pada setiap perkataan yang ditukar. Hanya sebahagian kecil calon sahaja yang mendapat markah penuh bagi soalan ini. Ia menunjukkan calon tidak menguasai tasrif *fii'l Amr* dengan baik malah keliru antara *fii'l Mudori'* dan *fii'l Amr*. Selain itu, terdapat calon yang hanya menukar sighah tetapi tidak meletakkan baris pada perkataan dan menyebabkan mereka kehilangan separuh markah. Secara purata, min markah soalan ini adalah rendah, menunjukkan bahawa kebanyakan calon tidak menguasai tajuk ini dengan baik.

Soalan 7

Soalan (*a*) menghendaki calon memilih *ism syart* yang sesuai (dalam kurungan) untuk melengkapkan ayat. Prestasi jawapan calon untuk soalan ini adalah pada tahap baik. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menjawab dengan baik walaupun hanya sebilangan kecil yang mendapat markah penuh. Hal ini kerana calon memahami ayat yang dikemukakan. Dengan itu calon dapat memilih *isim syart* dengan betul mengikut fungsi dan kegunaannya. Walau pun demikian, terdapat juga calon yang menjawab soalan secara meneka kerana tidak memahami ayat yang diberikan menyebabkan semua atau sebahagian jawapan adalah salah.

Soalan (*b*) pula menghendaki calon membawakan *sighah ism tafdil* bagi setiap ism fai'l yang diberikan (dalam kurungan). Kebanyakan calon berjaya menjawab dengan baik dengan 3 atau 4 jawapan betul. Hanya sebilangan kecil yang memperolehi markah penuh. Ada juga yang gagal mendapat sebarang markah kerana tidak menukar kepada *ism tafdil*, tetapi kepada bentuk yang lain. Antara faktor kelemahan calon ialah terkeliru antara ism tafdhil dengan sighah yang lain dan tidak mengubah *ism tafdhil* mengikut konteks ayat dari segi *nakirah*/*makrifah* dan gender.

Bahagian IV: *Qawaid*

Soalan 8

Soalan (*a*) menghendaki calon memilih perkataan yang sesuai yang disediakan (dalam kurungan) sebagai *khabar* dalam ayat lengkap. Majoriti calon tidak dapat menjawab dengan baik soalan ini. Antara kelemahan calon ialah tidak dapat membezakan antara *mubtada*' dan *khabar*, maka mereka memilih perkataan yang diberikan sebagai *mubtada*'. Calon juga tidak menguasai *tasrif fii'l* dan topik mutabaqah antara *mubatada*' dan *khabar*, menyebabkan calon memilih perkataan yang tidak sepadan dengan *mubatada*' segi *tazkir* dan *ta'nith* serta *ifrad*, *tathniah* dan *jama*'.

Soalan (*b*) pula menghendaki calon membariskan huruf akhir setiap perkataan bergaris dalam teks yang disediakan. Soalan ini menguji penguasaan calon terhadap kedudukan *I'rab* perkataan dalam ayat dengan melihat baris huruf akhir sama ada calon boleh membezakan antara keadaan *raf*', *nasb* atau *jarr*. Keputusan menunjukkan tidak ramai calon yang berjaya mendapat markah penuh untuk soalan ini. Majoriti calon hanya berjaya mendapat 2 atau 3 markah. Hal ini menunjukkan calon tidak menguasai tajuk *mauqi*' *I'rab* dengan baik. Dari segi min, soalan (8) menunjukkan prestasi calon yang rendah dalam bahagian Tatabahasa Terapan.

Soalan 9

Soalan (*a*) menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan *harf jar* yang sesuai (dalam kurungan). Dengan pilihan jawapan yang disediakan, ia serba sedikit membantu calon memilih jawapan yang betul. Ayat-ayat pula terdiri daripada perkataan dan frasa yang sudah menjadi kebiasaan pelajar. Diperhatikan ramai calon yang dapat menjawab dengan baik berbanding soalan 8 sebelumnya. Namun tidak dinafikan sebahagian calon masih lemah dan gagal untuk mengaplikasikan *harf jar* dengan betul sebagai penghubung dalam ayat. Ia disebabkan mereka tidak memahami maksud ayat dan fungsi setiap harf jar.

Soalan (*b*) pula menghendaki calon meletakkan *harf nafi* "*lam*" dalam ayat dan melakukan perubahan yang perlu. Tidak ramai calon yang berjaya mendapat markah penuh untuk soalan ini. Secara purata, prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah sederhana. Antara faktor kelemahan calon ialah tidak mengetahui fungsi "*lam*" secara betul, justeru mereka tidak membuat perubahan yang diperlukan terhadap perkataan selepasnya. Calon juga tidak mengetahui kedudukan "*lam*" di dalam ayat menyebabkan ia diletakkan pada tempat yang salah.

Bahasa Arab

913/2

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2 2024, sebanyak 1 653 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 48.28% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	9.12	5.78	5.47	8.51	5.05	8.21	6.14	4.61	5.41	4.68	37.02

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah baik. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 62 markah daripada markah penuh 70 markah dan seorang calon yang memperoleh markah terendah, iaitu satu markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah lemah. Satu soalan, iaitu soalan 1 ialah soalan yang beraras rendah. Bagi soalan 6, 7, 8, dan 9 pula ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 2, 3, 4, dan 5 ialah soalan aras tinggi.

Komen soalan demi soalan

Bahagian I: *Kefahaman*

Soalan 1

Soalan (*a*), (*b*), (*c*), (*d*) dan (*e*) menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberikan. Teks berkaitan biografi Ibnu Khaldun. Calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik dengan purata markah pada kedudukan kelima daripada sembilan soalan iaitu sebanyak 3.80 (38.0%). Soalan ceraian (*a*), (*b*), (*c*), (*d*) dengan jelas meminta calon memberikan jawapan yang boleh dipetik secara langsung daripada petikan dengan sedikit pengubah suaian pada penggunaan penanda wacana, manakala soalan (*e*) pula menghendaki calon memberikan perkataan seerti bagi setiap perkataan yang diberikan. Majoriti calon hanya dapat menjawab tiga sahaja daripada lima soalan yang dikemukakan. Bagi soalan ceraian (*a*), kekuatan jawapan calon adalah pada memahami kehendak soalan yang menggunakan bahasa yang mudah. Namun, kelemahan jawapan calon adalah menyalin semula jawapan tanpa menukar jawapan yang diperlukan mengikut kehendak soalan. Bagi soalan ceraian (*b*) pula kekuatan jawapan calona dalah pada memahami arahan soalan dan jawapan yang diberikan diambil daripada perenggan berkaitan. Namun, kelemahan jawapan calon adalah menyalin semula jawapan tanpa menambah wacana yang sesuai dengan kehendak soalan. Bagi soalan ceraian (*c*), calon dilihat memahami kehendak soalan. Namun, calon lemah dalam memberikan jawapan yang lengkap. Ramai calon memberikan nama kitab dan jumlah jilid secara tidak lengkap disebabkan nama

kitab yang panjang. Bagi soalanbceraian (*d*), majoriti calon tidak mendapat markah bagi soalan ini disebabkan mereka menyalin terus teks dan jawapan diberikan tidak lengkap. Kebanyakan calon hanya menyalin jawapan yang bukan merupakan jawapan sebenar bagi soalan ini yang menyebabkan mereka kehilangan markah. Bagi soalan ceraian (*e*), calon dapat memberikan jawapan sekiranya mereka memahami maksud perkataan bergaris dan memiliki pengetahuan berkaitan tersebut. Namun, kelemahan penguasaan kosa kata menyebakan jawapan yang diberikan tidak tepat. Mereka sekadar meneka perkataan atau menyalin semula perkataan bergaris. Tidak kurang juga calon yang memberikan maksud berlawanan atau perkataan *mufrad* atau *jamak* disebabkan tidak memahami kehendak soalan.

Bahagian II: *Karangan*

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan dan menyatakan peranan sukan dalam menanam nilai murni dalam kalangan pelajar. Walaupun soalan ini merupakan soalan paling popular dalam kalangan calon berbanding dengan tiga lagi soalan karangan, purata markah yang diperoleh adalah rendah iaitu 3.13 (31.3%). Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, mereka hanya menyatakan peranan sukan dalam bentuk umum sahaja tanpa mengaitkannya dengan pembentukan sahsiah pelajar. Hanya sebahagian sahaja daripada kehendak soalan dijawab oleh calon iaitu faedah sukan kepada pelajar. Sepatutnya, calon perlu menjelaskan kesan program sukan yang telah dilaksanakan oleh sekolah dalam membentuk sahsiah pelajar. Keadaan ini juga disumbangkan oleh kebergantungan calon kepada contoh karangan siap yang telah dihafal. Kebergantungan mereka dengan karangan yang dihafal tanpa melihat kepada arahan soalan menyebabkan mereka kehilangan sebahagian besar markah.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan program gotong royong yang diadakan di salah sebuah kampung beserta faedahnya. Purata markah bagi soalan ini adalah paling tinggi berbanding dengan min markah soalan Maqal yang lain, iaitu dengan nilai min sebanyak 3.56 (35.6%). Soalan ini bukanlah merupakan soalan pilihan yang dijawab oleh calon. Walaupun demikian, markah yang diperoleh oleh calon lebih baik berbanding dengan soalan karangan yang lain. Namun, calon tidak menyatakan di mana dan bagaimana aktiviti gotong-royong yang dijalankan. Kelemahan calon juga amat ketara dari sudut penulisan iaitu kelemahan penguasaan kosa kata dan tidak menepati jumlah bilangan perkataan yang dikehendaki.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan penggunaan telefon pintar dalam pembelajaran. Purata markah soalan ini adalah rendah iaitu 3.11 (31.1%). Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat memberikan kelebihan penggunaan telefon pintar dalam pembelajaran. Walaupun demikian, kelemahan yang ketara pada penguasaan kosa kata dan aspek tatabahasa menyebabkan calon tidak dapat menjelaskan kelebihan penggunaan telefon bimbit dalam pembelajaran dengan baik. Gaya bahasa yang digunakan jelas menunjukkan kesan terjemahan langsung daripada bahasa Melayu. Terdapat juga calon yang menyalin ayat daripada petikan soalan kefahaman menyebabkan bilangan patah perkataan yang di salin ini di tolak dari jumlah perkataan yang dikehendaki yang secara tidak langsung akan menyebabkan markah ditolak.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menulis surat rasmi kepada pengetua sekolah untuk meminta bantuan kewangan bagi aktiviti kelab. Soalan ini mendapat nilai purata paling rendah berbanding dengan min soalan karangan yang lain, iaitu dengan nilai purata sebanyak 2.73 (27.3%). Kekuatan jawapan calon dalam soalan ini ialah penggunaan format surat rasmi yang agak baik. Walau bagaimanapun, masih terdapat calon yang tidak menjelaskan tujuan penulisan surat rasmi ini iaitu untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada pengetua sekolah bagi melaksanakan aktiviti kelab. Terdapat calon yang tidak menyatakan aktiviti kelab yang bakal dijalankan menyebabkan mereka kehilangan isi penting yang seterusnya menjejaskan bilangan patah perkataan yang dikehendaki. Ditambah pula dengan penggunaan kosa kata yang tidak sesuai dan kesilapan aspek tata bahasa banyak menyebabkan calon kehilangan banyak markah.

Bahagian III: *Saraf*

Soalan 6

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan agak baik dengan purata markah pada kedudukan ketiga daripada sembilan soalan iaitu 4.58 (45.8%). Soalan (*a*) menghendaki calon memberikan masdar bagi kata kerja yang diberikan beserta dengan baris. Calon dapat menjawab soalan ini dengan baik sekiranya mereka mengingati kaedah menukar *fiil ghair* sulasi kepada *masdar*. Cuma terdapat calon tidak memperoleh markah yang baik disebabkan kesilapan meletakkan baris atau langsung tidak meletakkan baris. Soalan (*b*) pula menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan kata nama *haiah* yang sesuai beserta dengan baris. Calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik sememangnya mengetahui kaedah menukar kata kerja yang terdapat dalam ayat kepada kata nama *haiah* walaupun kata kerja tersebut tidak ditentukan dalam soalan. Namun, bagi calon yang lemah, mereka tidak dapat mengesan kata kerja yang perlu ditukar menyebabkan mereka menukar apa sahaja perkataan yang dirasakan betul. Kelemahan ini mungkin disebabkan penguasaan kosa kata yang terhad atau tidak memahami kaedah penukaran dengan betul. Terdapat juga sebahagian calon yang meletakkan baris yang salah atau terlupa untuk meletakkan baris.

Bahagian IV: *Qawaid*

Soalan 7

Soalan ini mendapat purata markah yang agak baik, iaitu pada kedudukan kedua tertinggi daripada sembilan soalan iaitu dengan min markah sebanyak 4.80 (48.0%). Soalan ceraian (*a*) menghendaki calon membina ayat bagi lima jenis *khabar jumlah ismiah*. Sebahagian besar calon dapat memberikan jawapan yang baik. Namun, bagi calon yang lemah, kelemahan membezakan lima jenis khabar menyebabkan mereka kehilangan markah. Jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak soalan. Kesalahan paling kerap dilakukan calon adalah pada soalan ceraian 2 iaitu *khabar jumlah ismiah*. Ramai calon memberikan jawapan *khabar mufrad*. Soalan (*b*) pula meminta calon menulis bilangan bagi lima ayat yang diberi dalam bentuk perkataan. Sebahagian calon dapat memberikan jawapan yang baik. Namun, bagi calon yang lemah, mereka tidak dapat menulis nombor yang betul mengikut konsep *muzakkar* dan *muannas* dan juga kedudukannya daris udut *i'rab*. Kesilapan sebegini menyebabkan calon kehilangan sebahagian atau kesemua markah bagi soalan ini.

Soalan 8

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik dengan purata markah pada kedudukan keempat daripada sembilan soalan, iaitu sebanyak 4.45 (44.5%). Soalan (*a*) menghendaki calon mengubah *maful bih* kepada *naib fail* beserta dengan perubahan yang perlu. Daripada lima soalan yang ditanya, kebanyakan calon dapat menjawab tiga soalan terawal dengan betul. Bagi soalan empat dan lima, ramai calon tidak dapat menjawab dengan baik. Calon yang memahami dengan baik konsep *naib fail* iaitu membuang *fail* dan menukarkan *maful bih* kepada *naib fail*. Begitu juga dengan perubahan yang perlu dilakukan dari sudut *muzakkar* dan *muannas*. Calon yang lemah didapati masih tidak memahami konsep ini. Mereka masih mengekalkan *fail* menyebabkan mereka langsung tidak mendapat markah. Bagi calon yang telah membuang *fail*, mereka gagal menyesuaikan kata kerja dengan *naib fail* dari sudut *muzakkar* dan *muannas*. Soalan (*b*) pula menghendaki calon menggunakan kata *isim tafdil* yang diberi dalam ayat yang difahami. Kebanyakan calon mendapat markah pada perkataan mudah dan biasa digunakan iaitu soalan satu dan soalan dua. Namun, calon kehilangan markah pada soalan tiga, soalan empat dan soalan lima. Calon tidak memahami maksud perkataan dan mereka hanya menyalin semula perkataan tersebut.

Bahagian V: *Balaghah*

Soalan 9

Soalan (*a*) menghendaki calon menggunakan dua perkataan yang diberi sebagai *musyabbah bih* dalam ayat *tasybih* yang dibina sendiri oleh pelajar. Soalan (*b*) menghendaki calon menentukan kedudukan istiarah dan menerangkan jenisnya dari *istiarah tasrihiah* atau *istiarah makniah*. Soalan (*c*) pula menghendaki calon mengeluarkan *muqabalah* daripada contoh yang diberi.

Secara umumnya, calon dapat menjawab soalan bahagian ini dengan baik. Keadaan ini mungkin disebabkan contoh ayat al-Quran, ungkapan dan puisi yang diberikan merupakan contoh yang biasa dijumpai oleh calon sebelum ini. Selain itu, calon dilihat lebih bersedia untuk menjawab soalan ini.

Bahasa Arab

913/3

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 1 606 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 55.42% daripadanya telah lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	11.51	6.97	6.47	11.70	4.48	8.90	5.39	5.73	8.65	5.48	24.72

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah sederhana. Terdapat seorangorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 43 markah daripada markah penuh 50 markah dan seorang calon memperoleh markah terendah, iaitu dua markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian meringkaskan karangan dan sastera adalah lemah. Berdasarkan respons calon, satu soalan 1, 2, dan 3 ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 4 dan soalan 5 ialah soalan aras tinggi.

Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah lemah, terutama dalam bahagian *Adab* dan *Nusus*. Kebanyakan calon kurang memahami kehendak soalan. Mereka memberikan jawapan yang lain daripada yang dikehendaki.

Komen soalan demi soalan

Bahagian I: *Kefahaman*

Soalan 1

Soalan (*a*), menghendaki calon meringkaskan teks yang diberikan dengan bilangan perkataannya tidak melebihi 60 patah perkataan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Kebanyakan mereka menjawab dengan cara memindahkan beberapa potongan ayat dari petikan dan mencantumkannya tanpa mengambil kira struktur ayat yang betul. Mereka sukar untuk memahami teks yang diberikan walaupun bahasa dan perkataan yang digunakan adalah sederhana kesukarannya. Calon sepatutnya mengambil isi-isi penting terlebih dahulu sebelum mengolahnya menjadi satu ringkasan dengan menggunakan gaya bahasa mereka sendiri. Soalan (*b*) pula menghendaki calon menghendaki calon menghurai dan menjelaskan satu ungkapan yang digariskan dalam petikan karangan. Soalan bahagian ini amat mencabar minda calon disebabkan calon perlu memahami ayat tersebut dengan baik dan menghuraikannya dengan mengunakan ayat dan *uslub* sendiri. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka hanya menyalin beberapa ayat daripada perenggan

tersebut untuk dijadikan jawapan. Hal ini disebabkan calon kurang menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab. Calon sepatutnya memahami kandungan teks dalam perenggan tersebut sebelum menerangkan pernyataan tersebut.

Bahagian II: *Saraf*

Soalan 2

Soalan (*a*) menghendaki calon mengubah perkataan yang diberikan kepada *jamak muannas salim* dan menggunakannya dalam ayat yang sempurna. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang melakukan kesilapan ejaan. Soalan (*b*) pula menghendaki calon mengubah perkataan yang diberikan kepada *nisbah*. Kebanyakan calon dapat menjawab tiga daripada lima perkataan yang dikemukakan.

Bahagian III: *Nahu*

Soalan 3

Soalan (*a*) menghendaki calon menggunakan perkataan yang diberikan sebagai *mudhaf* dalam ayat yang sempurna. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menjawab dengan baik. Namun begitu, terdapat juga calon yang melakukan kesilapan dengan mengekalkan *alif* dan *lam* ketika mudhaf. Soalan (*b*) pula menggunakan perkataan yang diberikan sebagai *naat* dalam ayat yang sempurna. Sebahagian calon tidak mampu meletakkan *naat* pada kedudukan hukum yang betul berdasarkan kalimah yang diberikan, sebagai contoh soalan ceraian 1 dan 4 yang mana calon perlu menjadikannya dalam keadaan *majrur* atau *mansub*.

Bahagian IV: *Sastera*

Soalan 4

Soalan (*a*) menghendaki calon calon menyatakan 3 ciri imaginasi dan gambaran yang terdapat di dalam syair pada zaman Jahiliyyah. Soalan (*b*) menghendaki calon menyatakan latar belakang penulis dan cerita disebalik ciptaan puisi tersebut. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah fakta. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam mengingat fakta-fakta penting yang berkaitan puisi tersebut. Soalan (*c*) pula menghendaki calon menerangkan dua perkataan yang terdapat di dalam puisi tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (*d*) pula menghendaki calon mengenal pasti unsur balaghah yang terdapat di dalam rangkap ke tiga puisi dan menyatakan jenisnya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat juga calon yang menjawab secara meneka. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam aspek *balaghah*.

Soalan 5

Soalan (*a*) menghendaki calon menyatakan 3 topik utama dalam khutbah zaman Umawi. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini demikian kerana kelemahan calon dalam mengingati fakta yang berkaitan. Soalan (*b*) menghendaki calon menyatakan latar belakang penulis serta sebab yang berlaku disebalik khutbah tersebut. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah mengeja nama penulis

prosa. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam mengingat fakta-fakta penting yang berkaitan prosa tersebut. Soalan (*c*) pula menghendaki calon menyatakan tiga isi penting yang terdapat dalam prosa yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (*d*) pula menghendaki calon menyatakan jenis gaya bahasa (Balaghah) pada ungkapan yang bergaris dan tujuan ia digunakan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang menjawab secara meneka. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam aspek gaya bahasa selain tidak memahami maksud prosa tersebut.

LAPORAN PEPERIKSAAN STPM 2024

PENERBITAN PELANGI SDN. BHD. (198201009396)

WISMA PELANGI
Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.
T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com

Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488
E-mel: ppa[at]mpm.edu.my